



ABOUT THE AUTHORS TENTANG PENULIS



KAMARIL AZLAH TERUK berkelulusan Sarjana Sains Kepujian Biologi (UPM) ialah seorang pensyarah di Jabatan Biologi. Beliau telah berkhidmat di Pusat Asasi Univeristi Islam Antarabangsa sejak tahun 2000. Beliau turut sama terlibat sebagai salah seorang penulis buku *Discover Your Body System, Biology I Workbook* serta *Practical Biology Laboratory Manual and Report*”.



HALIZA HAMZAH merupakan seorang pensyarah di Jabatan Biologi, Pusat Asasi UIAM sejak tahun 2009. Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Zoologi, Universiti Malaya. Beliau juga merupakan salah seorang penulis buku *Biology Matriculation, Pre-University Biology, Biology I Workbook*, serta *Practical Biology Laboratory Manual and Report*.



SITI HAJAR ABDULLAH SANI, lulusan Sarjana Sains Kesihatan & Pendidikan (UKM) ialah seorang pensyarah di Jabatan Biologi. Beliau telah berkhidmat di Pusat Asasi Univeristi Islam Antarabangsa sejak tahun 2006. Beliau turut sama terlibat sebagai salah seorang penulis buku *“Discover Your Body System”* dan *“Biology I Workbook”*.



NOR SITI HAWA RAMLAN, pensyarah kimia di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Kimia Analisis dan Analisis Instrumentasi dari Universiti Malaya (UM) serta memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia Industri) dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).



ASIAH BINTI MOHD. SHAFIEE, pensyarah kimia di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Kimia dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia Gunaan) dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).



NUR NADIAH ABDUL RASHID merupakan pensyarah kimia di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam bidang Teknologi Farmaseutikal dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Dr. Nur Nadiah juga memiliki Ijazah Sarjana Sains (Nanosains) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia Industri) dari Universiti Malaysia Sabah (UMS).



NOOR SAADIAH MOHD ALI memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kimia Petroleum dari UPM dan Sarjana Kimia Analisis dengan cemerlang pada tahun. Beliau seterusnya melengkapkan PhD di UMP dalam bidang Bahan Termaju, dengan fokus kepada penyimpanan tenaga dan polimer berfungsi. Kini, beliau merupakan Pensyarah Matrikulasi di IIUM dengan kepakaran dalam Kimia Organik dan Kimia Fizik. Beliau telah menerbitkan 47 penulisan ilmiah serta memenangi beberapa pertandingan penyelidikan seperti CITREX, PICTL, YIC dan PIITRAM.



NOR LIZA MOHD ZAWI memperoleh ijazah sarjana muda dalam bidang fizik dari University of Malaya, diikuti dengan ijazah sarjana dalam Optoelektronik. Beliau kemudiannya menamatkan pengajian PhD dalam bidang Bahan Fungsian di Kulliyah Kejuruteraan, International Islamic University Malaysia (IIUM), Gombak. Penyelidikan kedoktoran beliau memberi tumpuan kepada bahan MCM-41 dan potensi aplikasinya dalam teknologi bateri boleh dicas semula. Dr Norliza telah berkhidmat sebagai pensyarah Fizik di Pusat Asasi (CFS), IIUM sejak tahun 2000. Beliau juga telah menyumbang kepada penerbitan buku teks Fizik yang digunakan oleh pelajar di CFS IIUM.



IZDIYAR ISHAK menerima pendidikan sekolah menengah di Sekolah Menengah Sains Johor dan seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat universiti dalam bidang Fizik di Universiti Malaya. Beliau kemudiannya menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang Fizik dengan pengkhususan dalam Fizik Keadaan Pepejal dan Sinaran. Beliau memulakan kerjaya akademik sebagai tutor di Jabatan Fizik, Universiti Malaya. Pada tahun 1998, beliau menyertai Pusat Asasi, Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia dan terus berkhidmat di sana sehingga kini.



NUR FARIHAH AZLAN memiliki ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Mekatronik daripada International Islamic University Malaysia (IIUM). Beliau aktif terlibat dalam pengajaran, penulisan akademik, serta inisiatif pembangunan STEM.

Beliau telah menyumbang kepada penerbitan buku teks Fizik dan buku pengenalan kejuruteraan yang direka untuk membantu pelajar asasi dan pra-universiti dalam memahami konsep sains asas.



SHARIFAH FADZLON SYED HUSSAIN menerima pendidikan menengah di Methodist Girls Secondary School, Kuantan dan seterusnya melanjutkan pengajian di University of Malaya dalam bidang Fizik. Beliau memulakan kerjaya pengajaran di kolej-kolej swasta selama empat tahun sebelum menyertai Pusat Asasi, International Islamic University Malaysia (IIUM) pada tahun 2000.

Selain mengajar, beliau juga telah menyumbang idea dalam penerbitan, termasuk penghasilan buku teks Fizik.



MOHD NAZIM MAT NAWI berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Matematik dan merupakan seorang pensyarah di Jabatan Matematik, Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik dari UIAM dan mempunyai pengalaman mengajar matematik selama 18 tahun.



NURHAFIZAH SAIDIN ialah pensyarah berpengalaman selama 13 tahun di Jabatan Matematik, Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik) dan Sarjana Pendidikan (Kurikulum & Pengajaran). Beliau adalah salah seorang penulis buku “Fundamentals of Algebra” dan “Mathematics for Nursing”.



SURAYA HASSAN merupakan pensyarah di Jabatan Matematik, Pusat Asasi UIAM selama 13 tahun. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik dari UIAM dan Ijazah Sarjana (Matematik Gunaan) dari UITM. Beliau turut terlibat sebagai salah seorang penulis buku “Fundamentals of Algebra”, “Fundamentals of Algebra Second edition” serta “Mathematics for Nursing”.



JUHAIDAH HAIROM merupakan seorang pensyarah di Jabatan Matematik, Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), dan telah berkhidmat di institusi tersebut sejak tahun 2010. Beliau mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang Matematik dan Teknologi Maklumat, serta pernah berkhidmat di institusi pendidikan awam dan swasta sejak tahun 2000. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dalam Sains Komputer dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ijazah Sarjana Sains dalam Teknologi Maklumat dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau juga merupakan salah seorang penulis bersama bagi buku *Fundamental of Algebra*, *Fundamental of Algebra (Second Edition)*, *MTCF 0114: Mathematics 1*, dan *Introduction to Mathematics for Computing*.



MAZLINAH GHAZALI merupakan seorang pensyarah di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan telah berkhidmat di institusi tersebut sejak tahun 1998. Disamping mengajar subjek *Programming* dan *Basic Application ICT*, beliau turut berpengalaman mengajar dalam subjek bidang Matematik seperti *Calculus*, *Algebra* dan *Statistik*. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dari San Jose State University, California (SJSU) dan Ijazah Sarjana Sains Komputer dari Universiti Malaya (UM). Beliau juga merupakan salah seorang penulis buku bersama bagi buku *Basic Application of ICT*, *Ethical Digital Literacy* dan *Anak ke-Dua*.



AHMAD SHAQIL NAJIY BIN AHMAD MAHMUD

merupakan seorang pensyarah di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), dan telah berkhidmat di institusi tersebut sejak tahun 2025. Beliau mempunyai pengalaman bekerja sebagai Pembangun Perisian serta Pentadbir Perisian sejak tahun 2019. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Sains Komputer dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).



NOORSHAFEEQAH NOORAZMAN

ialah seorang ahli akademik di Jabatan Bahasa al-Quran, Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau merupakan graduan UIAM bagi peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana, dengan pengkhususan dalam Bahasa dan Kesusasteraan Arab, Teknologi Maklumat, serta Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. Beliau juga pernah mengikuti program mobiliti ke University Sultan Moulay Slimane, Maghribi selama lima bulan dan memperoleh sijil pedagogi dalam Bahasa Arab. Minat penyelidikan beliau merangkumi bidang pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, teknologi pendidikan, ICT, pendidikan khas, pengaturcaraan, dan perspektif Bahasa al-Quran.



WAN AHMAD KHAIRI WAN AHMAD

menerima Pendidikan menengah Sekolah Menengah Kebangsaan (A) Falahiah, Pasir Pekan, Kelantan. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dari UIAM dan merupakan pengetua kolej kediaman sejak tahun 2020. Berkhidmat sebagai pengajar di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Asasi UIAM selama 10 tahun dan turut terlibat sebagai salah seorang penulis buku Introduction to Communication dan Thinking Skills.



MOHD SUFIE ABDUL RAZAK Penolong Pengarah Kanan di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa. Beliau berkhidmat di Pejabat Pembangunan Pelajar dan Libat Urus Komuniti dan bertanggungjawab menguruskan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar. Beliau merupakan graduan UIAM dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Politik (2010).

The background is a dense, repeating pattern of various icons related to science, technology, and industry. These include hard hats, gears, lightbulbs, microchips, calculators, wrenches, pencils, computer monitors, DNA helices, and stylized human figures. In the center, there are three circular diagrams: one with a central yellow sphere and three orbiting black dots, another with a green center and yellow dots, and a third with a purple center and green dots. A blue and red DNA helix is also visible on the right side.
$$E=mc^2$$

Illustrator:
Wan Ahmad Khairi Wan Ahmad

eISBN 978-629-92101-0-8



9 786299 210108